



**JABATAN KESIHATAN NEGERI  
PULAU PINANG**  
Jalan Resideni  
10450 Georgetown  
Pulau Pinang  
MALAYSIA

Tel : 604 – 217 5100  
Laman Web : <http://jknpenang.moh.gov.my>  
E-mel : [jknpenang@moh.gov.my](mailto:jknpenang@moh.gov.my)

Ruj. Kami : JKNPP.100-7/6/14 (36)  
Tarikh : 17 September 2025

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

### JEMPUTAN MENYERTAI KURSUS PENGUKUHAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG

Dengan segala hormat merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Latihan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang akan mengadakan satu sesi Kursus Pengukuhan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) pada ketetapan berikut:

**Tarikh** : 24 September 2025 (Rabu)  
**Masa** : 9.00 pagi – 1.00 petang  
**Platform** : <https://meet.google.com/zkd-imqb-rhz>

3. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tambahan dan seterusnya memperkukuhkan pemahaman warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri mengenai budaya EKSA. Pada masa yang sama, kursus ini juga akan turut menyentuh mengenai pelaksanaan audit EKSA di lapangan. Hal ini bertepatan dengan usaha Jabatan Kesihatan Negeri untuk memperbaharui pensijilan EKSA pada penghujung tahun ini.

4. Dipohon kerjasama dan keterlibatan yang aktif dari semua PTJ bagi menjayakan kursus ini. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi, Dr. Amirul Ameer Bin Rashidan (Jawatankuasa Latihan EKSA JKN Pulau Pinang) di talian 04-2625533 ext. 215.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. FAZILAH BINTI SHAIK ALLAUDIN) No. MPM : 29622  
Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
s.k:- Sekretariat Induk EKSA  
Fail

## SENARAI EDARAN

1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri  
Bahagian Pengurusan
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri  
Bahagian Perubatan
3. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri  
Bahagian Kesihatan Awam
4. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri  
Bahagian Pergigian
5. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri  
Bahagian Farmasi
6. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri  
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
7. Ketua Jurutera Negeri  
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan